

MEMOTIVASI IBU BAPA MENJADI PENYOKONG: BAGAIMANA IBU BAPA BOLEH MEMACU PERKHIDMATAN DEMI ANAK-ANAK MEREKA

Tim Moore

Pusat Komuniti Kesihatan Kanak-kanak

Institut Penyelidikan Kanak-Kanak Murdoch

Hospital Diraja Kanak-Kanak, Melbourne

RANGKA

- Mengapakah ibu bapa perlu menjadi penyokong?
- Apakah yang perlu disokong oleh ibu bapa?
- Bagaimanakah bentuk sokongan itu?
- Bagaimana kita boleh memberi motivasi dan sokongan kepada ibu bapa untuk menjadi penyokong yang berjaya?
- Kesimpulan

*MENGAPA IBU BAPA PERLU MENJADI
PENYOKONG?*

MENGAPA IBU BAPA PERLU MENJADI PENYOKONG?

- Jika ibu bapa tidak tegas mengenai anak mereka dan keperluan keluarga, kemungkinan bahawa keperluan yang diberi dan sikap bertolak ansur adalah rendah
- Dalam proses menjadi penyokong, ibu bapa akan meningkatkan kemahiran dan kecekapan untuk menjadikan mereka lebih berupaya untuk memenuhi keperluan anak-anak mereka
- Dalam proses menyokong anak-anak, ibu bapa dapat mengatasi sikap prejudis dan kebimbangan mereka terhadap perbezaan dan hilang keupayaan.
- Sokongan ibu bapa terbukti mampu menjadi landasan dalam mencapai perubahan dalam sikap dan penyediaan keperluan

APAKAH RISIKO YANG TERLIBAT?

- Terdapat bahayanya kerana mungkin menambahkan tekanan dan kebimbangan ibu bapa - sokongan boleh menjadi 'serampang bermata dua':

Selain daripada itu, usaha-usaha sokongan ibu bapa memberi manfaat kepada keluarga kerana ia dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran mereka dalam menangani ketegangan dan membantu mereka untuk mengetahui hak-hak mereka, sumber dan maklumat, dan tahu untuk bertegas

- Namun, sokongan boleh memberi kesan negatif kepada keluarga, terutamanya apabila ia melibatkan perkelahian dan pergelutan.

- Sokongan mungkin mengganggu perhatian ibu bapa dari memahami dan menyesuaikan diri dengan keperluan anak mereka
- Sokongan mungkin menjadi cara untuk mengelakkan perasaan yang menyakitkan kerana mempunyai seorang kanak-kanak kurang upaya

*APAKAH YANG PERLU DISOKONG OLEH IBU
BAPA?*

APA YANG PERLU DISOKONG OLEH IBU BAPA?

- Ia bukan mengenai isu menyokong lebih banyak keperluan: tapi kita perlu berhati-hati tentang keperluan yang kita perlukan
- Amat penting untuk tidak menyokong keperluan yang akan memberi masalah untuk kita ubah di kemudian hari, atau mungkin tidak mencapai matlamat dalam minda kita untuk kepentingan anak dan keluarga, atau kanak-kanak kurang upaya umumnya.
- Isu sokongan perlu dilihat dalam konteks perubahan yang berlaku bagi mengiktiraf hak-hak orang kurang upaya, persepsi sosial terhadap orang yang kurang upaya, dan perkhidmatan untuk orang-orang kurang upaya.

PERUBAHAN IDEA MENGENAI KURANG UPAYA DAN KEPERLUAN KURANG UPAYA


Pengiktirafan hak-hak orang kurang upaya

- Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (Bangsa-Bangsa Bersatu , 1989) dan Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (Bangsa-Bangsa Bersatu , 2006) mengetengahkan bahawa kanak-kanak kurang upaya mempunyai hak yang sama seperti kanak-kanak lain - contohnya penjagaan kesihatan, pemakanan, pendidikan, kehidupan sosial dan perlindungan daripada keganasan, penderaan dan pengabaian.
- Memastikan akses kepada sokongan yang sewajarnya, seperti campur tangan dalam intervensi awal kanak-kanak dan pendidikan, dapat memenuhi hak-hak kanak-kanak kurang upaya, menggalakkan zaman kanak-kanak yang memuaskan dan menyediakan mereka untuk menempuh alam dewasa yang bermakna.
- Di Malaysia , Akta Orang Kurang Upaya (2007) melarang diskriminasi terhadap seseorang semata-mata atas alasan hilang upaya dalam bidang pekerjaan, pendidikan , perumahan , pengangkutan, aktiviti perniagaan, sukan , aktiviti rekreasi , akses kepada tempat orang ramai, akses kepada kemudahan dan perkhidmatan awam.

PERUBAHAN IDEA MENGENAI KETIDAKUPAYAAN



Pertubuhan Kesihatan Sedunia (2001). Klasifikasi Fungsian, Kecacatan dan Kesihatan Antarabangsa. Geneva, Switzerland: WHO. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (2007).



Klasifikasi Fungsian, Kecacatan dan Kesihatan Antarabangsa - Versi Kanak-kanak dan Belia (ICF-CY). Geneva, Switzerland: WHO

PERUBAHAN IDEA MENGENAI KURANG UPAYA DAN KEPERLUAN KURANG UPAYA (sambungan)

Klasifikasi Fungsian, Kecacatan dan Kesihatan Antarabangsa - Versi Kanak-kanak dan Belia(ICF-CY) menyifatkan kecacatan bukanlah semata-mata kerana faktor biologi mahupun sosial tetapi sebaliknya interaksi antara tahap kesihatan dan faktor-faktor alam sekitar dan peribadi.

Kurang upaya boleh berlaku pada tiga peringkat:

- pengurangan pada fungsi badan atau struktur, seperti katarak yang menghalang laluan cahaya dan penderiaan dan saiz rangsangan visual;
- had dalam aktiviti, seperti ketidakupayaan untuk membaca atau bergerak;
- sekatan dalam penyertaan, seperti pengecualian dari sekolah.

PERUBAHAN IDEA MENGENAI KURANG UPAYA DAN KEPERLUAN KURANG UPAYA (sambungan)

Paradigma Lama	Paradigma Baru
<p>Hilang upaya adalah kekurangan dalam kanak-kanak yang menyebabkan kecacatan fungsi yang mengurangkan kualiti hidup mereka.</p>	<p>Seorang kanak-kanak yang mempunyai kekurangan tidak akan lumpuh jika sokongan boleh didapati dari perkongsian di semua peringkat alam sekitar.</p>
<p>Fokus perkhidmatan dan pembiayaan adalah untuk menyediakan program-program perkhidmatan yang mengasihkan kanak-kanak kurang upaya daripada keperluan generik dan sokongan.</p>	<p>Fokus perkhidmatan dan pembiayaan adalah untuk memperhebatkan sokongan di semua peringkat alam sekitar supaya anak-anak yang kurang upaya dan keluarga mereka akan menikmati penglibatan dan membuat sumbangan yang bermakna.</p>
<p>Tumpuan adalah kepada "membaikpulih" kecacatan fungsi kanak-kanak supaya mereka tidak terlalu kurang upaya dan lebih mampu "menggunakan cara mereka" dalam semua peringkat alam sekitar.</p>	<p>Menumpukan untuk memperluas perkongsian untuk meningkatkan sokongan di semua peringkat alam sekitar supaya anak-anak yang kurang upaya dan keluarga mereka boleh menjalani kualiti hidup.</p>

PERUBAHAN IDEA MENGENAI KURANG UPAYA DAN KEPERLUAN KURANG UPAYA (sambungan)

Mengubah idea-idea tentang intervensi awal kanak-kanak

- Idea dan amalan-amalan tentang cara terbaik untuk menggalakkan pembangunan kanak-kanak dengan ketidakupayaan terus meningkat dan berkembang.
- Perubahan utama adalah tidak bergantung kepada profesional untuk menjadi agen utama dalam perubahan kanak-kanak supaya kita sedar betapa pentingnya persekitaran harian kanak-kanak dan peranan ibu bapa serta penjaga.
- Strategi-strategi baru telah diwujudkan untuk membantu ibu bapa dan penjaga bagi menyediakan kanak-kanak kurang upaya dengan pengalaman dan peluang yang membantu mereka untuk mengambil bahagian secara bermakna dalam aktiviti harian .
- Ini telah membawa kepada perubahan dalam hubungan antara intervensi awal kanak-kanak dan ibu bapa

PERUBAHAN IDEA MENGENAI KURANG UPAYA DAN KEPERLUAN KURANG UPAYA (sambungan)

Menukar idea mengenai hubungan antara ibu bapa dan pihak profesional

- Kita telah mempelajari bahawa intervensi awal kanak-kanak adalah kurang berkesan apabila pihak profesional bertindak sebagai pakar-pakar tunggal dan membuat semua keputusan tentang apa yang perlu difokus dan bagaimana untuk membantu kanak-kanak
- Ibu bapa dapat memanfaatkan dengan jauh lebih baik daripada apa yang profesional tawarkan apabila mereka terlibat dalam perkongsian dengan mereka, dan memberi tumpuan kepada isu-isu yang menjadi tumpuan besar kepada mereka
- Hasil yang lebih baik dicapai apabila pihak profesional cuba mengelakkan untuk melakukan perkara-perkara untuk keluarga kanak-kanak dan yang kurang upaya dan sebaliknya memberi tumpuan kepada melakukan perkara-perkara dengan mereka
- Perubahan dalam hubungan antara ibu bapa dan pihak profesional adalah mencabar bagi kedua-dua pihak

Seperti yang Amar (2008) berhujah,

'... Untuk memenuhi keperluan kanak-kanak kurang upaya di Malaysia, kita perlu mempunyai satu anjakan paradigma. Golongan profesional dan ahli terapi perlu mengubah perspektif mereka daripada peruntukan perkhidmatan untuk latihan Kita memerlukan kemahuan untuk melepaskan "kawalan" dan menjauhkan diri daripada "politik" hilang upaya. Sebaliknya kita perlu melihat anak-anak kurang upaya dan keluarga mereka sebagai rakan kongsi dan menawarkan mereka penjagaan dengan cara yang bermaruah, jalan terbaik untuk memenuhi keperluan orang kurang upaya, dan mengambil kira keperluan budaya dan rohani beliau. '

KESIMPULAN: MENGAPAKAH PERLUNYA SOKONGAN IBU BAPA?

- BUKAN untuk sesuatu servis yang dilakukan untuk kanak-kanak dan keluarga ... TETAPI untuk servis yang dilakukan dengan mereka dan melalui mereka untuk membantu mereka memenuhi keperluan anak mereka
- BUKAN untuk servis yang akan dilakukan untuk bekerjasama secara langsung dengan kanak-kanak dengan sedikit atau tiada rujukan dengan keperluan ibu bapa atau keupayaan ... TETAPI untuk perkhidmatan yang membina kekuatan ibu bapa dan meningkatkan keupayaan mereka untuk memenuhi keperluan anak-anak mereka
- BUKAN untuk mengasingkan keperluan kurang upaya, dimana dengan niat yang baik, menyediakan penjagaan dan pendidikan secara bersingan daripada kanak-kanak lain... TETAPI bagi perkhidmatan pakar yang termasuk dalam servis menyeluruh dan menyokong penyediaan perkhidmatan inklusif dan persekitaran sosial

BAGAIMANAKAH BENTUK SOKONGAN ITU?

BENTUK DAN EJEN SOKONGAN

Bentuk sokongan

- Ibu bapa sebagai penyokong untuk anak mereka dan keluarga
- Ibu bapa sebagai penyokong bagi perkhidmatan
- Ibu bapa sebagai pembela masyarakat untuk meluaskan pemahaman dan penerimaan hilang upaya
- Ibu bapa sebagai pembela dasar-dasar kerajaan

Ejen sokongan

- Individu
- Kumpulan
- Komuniti

BENTUK SOKONGAN

Ibu bapa sebagai penyokong untuk anak mereka dan keluarga

- tanggungjawab utama ibu bapa adalah untuk anak-anak mereka dan keluarga, dan mereka mungkin perlu menjadi penyokong bagi pihak anak-anak dan keluarga (termasuk diri mereka sendiri) untuk mendapatkan sokongan yang mereka perlukan. Apa yang mungkin ibu bapa harapkan dan perlukan daripada profesional?
- Sokongan yang disediakan;
- bahawa ini adalah dalam bentuk perkongsian mutlak;
- bahawa kebimbangan utama ibu bapa ditangani;
- bahawa ibu bapa membantu untuk membina keyakinan dan kemahiran baru dalam memenuhi keperluan anak mereka
- bahawa strategi yang dipilih adalah serasi dengan nilai-nilai dan pilihan mereka ; dan
- bahawa keperluan seisi keluarga akan dipertimbangkan

BENTUK SOKONGAN (sambungan)

Ibu bapa sebagai penyokong untuk perkhidmatan

- Selain daripada memberi sokongan untuk anak-anak mereka sendiri dan keluarga, ibu bapa juga boleh menjadi sebahagian daripada usaha untuk menyokong penyediaan perkhidmatan untuk semua kanak-kanak kurang upaya dalam pembangunan daerah atau kawasan tertentu
- Perkhidmatan ini boleh dalam bentuk pakar profesional intervensi kanak-kanak, dan juga lebih bentuk sokongan keluarga secara umum (seperti penjagaan jangka pendek)
- Ibu bapa juga boleh menyokong untuk akses kepada perkhidmatan arus perdana, seperti program awal kanak-kanak atau kemudahan masyarakat
- Ini jenis sokongan yang biasanya dilakukan dengan kerjasama ibu bapa dan / atau profesional yang lain

BENTUK SOKONGAN (sambungan)

Ibu bapa sebagai penyokong untuk pemahaman masyarakat dan penerimaan ketidakupayaan

Terdapat pelbagai cara di mana ibu bapa boleh memainkan peranan dalam membantu orang lain mendapat pemahaman yang lebih baik dan penerimaan ketidakupayaan:

- Mereka boleh bercakap kepada penduduk setempat, dan kepada masyarakat dan kumpulan agama, mengenai pengalaman membesarkan kanak-kanak kurang upaya, dan bagaimana mereka boleh membantu
- Mereka juga boleh bercakap dengan pihak profesional, supaya dapat membantu mereka memahami bagaimana perasaan ibu bapa kanak-kanak kurang upaya, dan apa bentuk bantuan yang boleh diterima
- Ibu bapa juga boleh membantu orang ramai mengatasi ketakutan dan prasangka mereka terhadap ketidakupayaan dengan cara mudah untuk menjelaskan cabaran dan keperluan anak mereka

BENTUK SOKONGAN (sambungan)

Ibu bapa sebagai pembela dasar

- Jenis sokongan ini bertujuan untuk menukar sistem sokongan menyeluruh melalui dasar-dasar dan pembiayaan
- Jenis sokongan ini berkemungkinan besar mampu memberi kesan apabila dilaksanakan oleh organisasi induk yang mewakili suara ibu bapa
- Ia juga lebih cenderung untuk berkesan sekiranya organisasi induk bekerjasama dengan pertubuhan profesional perwakilan dalam menyelesaikan isu tersebut
- Bentuk sokongan ini boleh memberi kesan yang mendalam ke atas dasar pembangunan dan pelaksanaan dengan menetapkan tahap terhadap sistem pembuatan keputusan dengan perspektif keluarga.

EJEN SOKONGAN

Semua bentuk-bentuk sokongan boleh dilakukan oleh individu, kumpulan atau masyarakat keseluruhannya

Sokongan peringkat individu

- Ibu bapa boleh bertindak sendiri, tanpa sokongan atau kerjasama dengan ibu bapa lain
- Ini adalah bentuk sokongan yang paling mencabar, dan berkemungkinan besar menyumbang kepada penambahan tekanan dalam keluarga

PERINGKAT SOKONGAN (sambungan)

Sokongan peringkat kumpulan

- Ibu bapa boleh menyokong satu sama lain dalam usaha-usaha sokongan mereka - sokongan sesama ibu bapa adalah sangat berharga, terutamanya apabila lebih ramai ibu bapa yang berpengalaman memantau mereka yang baru kepada menjadi penyokong
- Manfaat sokongan sesama ibu bapa adalah sangat memberangsangkan, dan garis panduan bagi mewujudkan program formal atau tidak formal di antara ibu bapa-ibu bapa telah dibangunkan (contoh Santelli, 2000)
- Organisasi kurang upaya ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam setiap bentuk sokongan - ia menyokong dari segi individu, perkhidmatan, pemahaman masyarakat dan pembangunan dasar
- Sebagai contoh, Persatuan bagi Kanak-kanak Kurang Upaya, iaitu kumpulan sokongan di Australia (www.acd.org.au) - ini adalah maklumat tanpa keuntungan, organisasi sokongan dan pembelaan oleh ibu bapa kanak-kanak kurang upaya

PERINGKAT SOKONGAN (sambungan)

Sokongan peringkat komuniti

- Satu pendekatan komuniti yang menyeluruh untuk sokongan yang bertujuan mendapatkan khidmat segenap masyarakat dalam mewujudkan perkhidmatan yang lebih inklusif
- Contoh ini diterima pakai di Malaysia untuk meningkatkan kualiti hidup orang kurang upaya seperti World Health Organisation's yang menggunakan pendekatan community-based rehabilitation (CBR)
- Ini merupakan satu strategi untuk memulihkan, penyelarasan dari segi peluang dan penyertaan sosial daripada semua orang kurang upaya dalam masyarakat
- CBR dilaksanakan melalui gabungan usaha orang dengan upaya diri mereka, keluarga mereka, organisasi dan masyarakat, badan kerajaan dan bukan kerajaan yang berkaitan kesihatan, pendidikan, vokasional, sosial dan lain-lain.



**Asia-Pacific Development
Centre on Disability (2010).
Community-based
Inclusive
Development: Principles
and Practice. Bangkok,
Thailand: Asia-Pacific
Development
Center on Disability.**

Matlamat CBR adalah berasaskan komuniti pembangunan inklusif

Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa orang kurang upaya dilibatkan sepenuhnya dalam semua aspek kehidupan masyarakat dan mempunyai akses penuh kepada semua kemudahan dan perkhidmatan. Pendekatan landasan berkembar yang sering digunakan adalah:

- memberi tumpuan kepada masyarakat membuang halangan yang mengenyepikan orang kurang upaya; dan
- memberi tumpuan kepada orang kurang upaya untuk membina kapasiti dan sokongan mereka untuk menggalakkan kemasukan mereka. Ia adalah satu proses yang membolehkan masyarakat termasuk orang kurang upaya untuk menyatakan keperluan mereka dan untuk memutuskan masa depan mereka sendiri dengan tujuan untuk memperlihatkan kuasa, pemilikan dan kemampunan mereka.

*BAGAIMANAKAH KITA BOLEH MEMBERI
MOTIVASI DAN SOKONGAN KEPADA IBU BAPA
UNUTK MENJADI PENYOKONG YANG BERJAYA?*

STRATEGI UNTUK MEMOTIVASI IBU BAPA MENJADI PENYOKONG

Membantu ibu bapa menjadi penyokong yang berkesan melibatkan pendekatan secara langsung dan tidak langsung.

Secara paradoksnya, pendekatan secara tidak langsung boleh menjadi paling berkuasa:

- **Membina keyakinan dan kecekapan ibu bapa dengan melibatkan mereka sebagai rakan kongsi dalam memenuhi keperluan anak-anak dan keluarga mereka.** Ini adalah cara terbaik untuk membantu ibu bapa menjadi penyokong berkesan. Untuk menggalakkan anak-anak mereka, ibu bapa perlu belajar bersikap profesional, dan mereka boleh belajar bagaimana untuk bersikap begini jika mereka mengukuhkan hubungan dengan pihak profesional.
- **Ilmu adalah kuasa: beri ibu bapa maklumat yang akan membantu mereka menjadi pembuat keputusan yang berkesan.** Ini termasuk pengetahuan mengenai perkembangan upaya, cara-cara memenuhi keperluan kanak-kanak yang kurang upaya itu, serta pengetahuan mengenai perkhidmatan dan sistem perkhidmatan.

STRATEGI UNTUK MEMOTIVASI IBU BAPA MENJADI PENYOKONG (sambungan)

Pihak profesional juga boleh membantu ibu bapa membangunkan kemahiran tertentu yang diperlukan untuk menjadi penyokong yang berkesan:

- **Jelaskan kepada ibu bapa bahawa salah satu matlamat yang jelas daripada perkhidmatan anda adalah untuk membina kapasiti mereka untuk menjadi penyokong yang berkesan untuk anak mereka dan keluarga - dalam masa yang sama jelaskan juga bahawa seberapa banyak peranan dan bila mereka mengambil peranan mereka akan sentiasa berada dalam kawalan**
- **Bantu ibu bapa memahami perkhidmatan dan sistem perkhidmatan yang perlu mereka bekerjasama**
- **Hubungkan ibu bapa dengan ibu bapa lain, rangkaian ibu bapa atau sokongan kumpulan**
- **Bantu ibu bapa mencari jalan untuk menerangkan tingkah laku anak mereka dan kesukaran yang akan meredakan kebimbangan dan sikap prejudis orang lain.**

STRATEGI UNTUK MEMOTIVASI IBU BAPA MENJADI PENYOKONG (sambungan)

Membantu ibu bapa bersedia untuk bertemu dengan pihak profesional dan servis:

- Bantu ibu bapa memahami apa yang akan diutarakan di dalam pertemuan tersebut - siapa yang terlibat dan apakah tujuan pertemuan ini
- Bantu ibu bapa membangunkan idea yang jelas tentang hasil yang mereka cari - bantu mereka mengutamakan kebimbangan mereka sekiranya mereka tidak mempunyai masa untuk menangani semuanya sekali gus.
- Menjadi penganjur yang akan membantu - menyimpan rekod yang tepat mengenai isu-isu tertentu, dan susulan perjanjian lisan secara bertulis jika diperlukan.
- Bantu ibu bapa untuk mempraktikkan bagaimana untuk menjelaskan keperluan mereka, dan bagaimana untuk bertindak balas terhadap isu-isu yang lain mungkin terjadi - meskipun mereka pastinya tidak mahukan apa-apa konflik terjadi, ia akan membantu sekiranya mereka mempunyai strategi positif yang telah disediakan sekiranya terjadi konflik.

STRATEGI UNTUK MEMOTIVASI IBU BAPA MENJADI PENYOKONG (sambungan)

- Bincangkan (dan tonjolkan) jenis kemahiran peribadi dan tingkah laku yang menggalakkan hasil yang baik
 - Mendengar pandangan orang lain,
 - Bertenang,
 - Memberi tumpuan untuk mendapatkan hasil yang positif untuk anak mereka, dan
 - Bersedia untuk berunding dan berkompromi jika penyelesaian alternatif berkesan.

KESIMPULAN

KESIMPULAN

Perluakah ibu bapa menjadi penyokong?

- Ibu bapa paling mengetahui perihal anak dan keluarga mereka, jadi, supaya orang lain memahami apa yang mereka tahu, semua ibu bapa perlu menjadi penyokong bagi pihak anak-anak dan keluarga (termasuk diri mereka sendiri)
- Sesetengah ibu bapa juga mungkin boleh menjalankan bentuk sokongan lain - pada peringkat perkhidmatan, peringkat masyarakat, dan juga peringkat dasar

Apakah yang perlu disokong oleh ibu bapa?

- Ini merupakan kes berhati-hati dengan apa yang anda inginkan - bukan semua servis akan berjaya
- Apa yang diperlukan adalah perkhidmatan yang akan membuahkan hasil melalui ibu bapa, ini akan membina kekuatan ibu bapa dan memberikan ruang untuk mereka memenuhi keperluan anak-anak mereka, dan menyokong penyediaan perkhidmatan inklusif dan persekitaran sosial

KESIMPULAN (sambungan)

Apakah bentuk sokongan yang harus diterima pakai oleh ibu bapa?

- Ini adalah sebahagian daripada masalah peribadi, dan sebahagian lainnya adalah soal sumber dan keadaan
- Apa pun pilihan mereka, ibu bapa mungkin akan berubah ketika proses:

'Sama ada ... ibu bapa memilih untuk bekerja di peringkat kebangsaan untuk menukar undang-undang, peringkat negeri untuk menukar sistem, peringkat tempatan untuk menukar program, atau peringkat individu untuk mengubah keluarga dan sikap, perjalanan setiap ibu bapa adalah peribadi dan mengubah hidup mereka.'

(O'Hanlon & Griffin, 2004)

Bagaimana cara terbaik untuk menyokong ibu bapa dalam usaha-usaha sokongan mereka?

- Cara yang paling berkesan untuk membantu ibu bapa menjadi penyokong yang berkesan adalah dengan melibatkan mereka dalam perkongsian yang bermakna di mana mereka boleh meningkatkan keyakinan dan keupayaan mereka.

Dr Tim Moore
Felo Penyelidik Kanan

Pusat Komuniti Kesihatan Kanak-kanak Murdoch
Institut Penyelidikan Kanak-Kanak
Hospital Diraja Kanak-kanak
50 Flemington Road, Parkville,
Victoria, Australia 3052

Telefon: +61 5040 · 3,9345

Faks: +61 · 3,9345 5900

Email: [tim.moore @ mcri.edu.au](mailto:tim.moore@mcri.edu.au)

Laman web: [www.rch.org.au / ccch](http://www.rch.org.au/ccch)